

# Anulae anggap kaji semula sistem perkhidmatan tertutup beri nafas baru

UM 17 APR 2002

KUALA LUMPUR 16 April – Kcsatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa Tempatan Semenanjung (Anulae) menganggap langkah kerajaan mengkaji semula sistem perkhidmatan tertutup memberi 'nafas baru' kepada ahlinya yang selama ini terpaksa melupakan peluang kenaikan pangkat.

Langkah yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu juga dijangka dapat menyelesaikan masalah penguatkuasaan yang dihadapi oleh PBT akibat kekurangan tenaga kerja.

Presiden Anulae, Abdul Rahim Mahad berkata, sistem perkhidmatan tertutup memang mengecewakan para pekerja PBT kerana jawatan yang terhad menyebabkan pergerakan pekerja khususnya kenaikan pangkat hampir mustahil berlaku.

"Sudah 30 dan 40 tahun kerja pun tidak ada peluang naik pangkat. Malah hendak bertukar tempat kerja sesama PBT pun tidak boleh kerana jabatan itu tertutup," katanya ketika dihubungi di sini hari ini. Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa sistem perkhidmatan tertutup yang diamalkan oleh beberapa agensi kerajaan khususnya PBT akan dikaji semula dan mungkin dimansuhkan.

Dr. Mahathir yang tidak begitu 'gembira'

dengan tahap pengurusan PBT sekarang berpendapat sistem tersebut menyumbang kepada amalan yang tidak baik.

Malah Perdana Menteri secara jujur mengakui fungsi PBT yang dijalankan secara tertutup telah mengecewakan kakitangannya kerana peluang kenaikan pangkat yang terhad.

Menurut Abdul Rahim, sebagai badan yang menguruskan kewangannya sendiri, PBT perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) jika hendak mewujudkan sesuatu jawatan.

Beliau mendakwa kebanyakan PBT menghadapi masalah untuk menjalankan tugas penguatkuasaan kerana jawatan-jawatan tidak boleh diwujudkan biarpun agensi itu mengalami kekurangan tenaga kerja.

"Kerumitan ekoran masalah birokrasi dan perundangan ini mendorong PBT mengambil pekerja-pekerja secara kontrak.

"Kebanyakan pekerja daripada pegawai kumpulan A sehingga ke bawah adalah pekerja kontrak," katanya.

Kata beliau, langkah mengkaji semula sistem khidmat tertutup tersebut amat tepat demi meningkatkan keberkesanan fungsi PBT dan pada masa yang sama, memberi kepuasan kerja kepada kakitangannya.